

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6600

SOALAN:

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji atau mengubah sistem perisian yang tidak mesra pengguna (*user-friendly*) oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia terutamanya untuk pendaftaran pertubuhan melalui dalam talian (*on-line application*) yang mengambil masa yang lama disebabkan sistem perisian yang tidak fleksibel.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak berhasrat untuk mengubah Sistem eROSES di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) memandangkan JPPM kini sedang dalam Fasa Kedua Penambahbaikan dan Peluasan Sistem eROSES. Selain itu, bagi meningkatkan kecekapan dan kemudahan serta penambahbaikan Sistem eROSES, sistem ini sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh sebuah kumpulan yang dilantik khas dalam Fasa Kedua yang sedang dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KDN dan JPPM turut mengamalkan sikap keterbukaan dalam menerima kritikan dan aduan yang bertujuan menambahbaik sistem tersebut. Dalam hal ini, KDN dan JPPM amat mengalu-alukan maklum balas dan pandangan membina bagi memastikan penggunaan Sistem eROSES dapat memuaskan hati semua pihak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6609

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah caranya kerajaan dapat mengatasi masalah rakyat warga asing yang gagal dihantar pulang ke negara asal disebabkan keengganan kerajaan warga negara asing tersebut yang tidak mahu menerima mereka pulang kerana tidak mempunyai dokumen diri yang sah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah berjaya mengusir seramai 231,949 orang PATI bermula tahun 2008 sehingga 2013. Mengikut laporan Operasi Bersepadu Fasa 2 bagi tempoh 21 Januari 2014 hingga 18 Mac 2014, jumlah PATI yang ditahan di semua depot dan lokap adalah seramai 15,287 orang.

Kerajaan telah dan sedang mengambil segala usaha untuk mengusir tahanan tersebut ke negara asal masing-masing dalam kadar segera antaranya termasuk mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan dan perwakilan negara PATI yang berkenaan bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan PATI tersebut. Selain itu, Kerajaan juga mengambil inisiatif menghubungi ahli keluarga PATI untuk mendapatkan kerjasama dalam urusan penghantaran pulang termasuk meminta pihak mereka menanggung tambang perjalanan balik.